

**PERBINCANGAN PEMANTAPAN KURSUS BAHASA INGGERIS
BERSAMA PPU**

Tarikh : 26 November 2012
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Kompleks Pentadbiran
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

HADIR :

Prof. Dr. Ahmad Kamal Ariffin Mohd Ihsan	-	Pengerusi
Dr. Zarina Othman	-	Timbalan Pengarah PPU
Puan Chia Loy Khim	-	Guru Bahasa PPU
Puan Norlaila Mufti	-	Guru Bahasa PPU
Prof. Dr. Mahamod Ismail	-	Ketua Jabatan JKEES
Prof Madya Dr. Zainudin Sajuri	-	Pemangku Ketua Jabatan/ Penyelaras program JKMB
Prof. Madya Dr. Jamaliah Md. Jahim	-	Penyelaras program JKKP
Prof. Madya Dr. Noor Ezlin Ahmad Basri	-	Penyelaras program JKAS
Dr. Abu Bakar Sulong	-	Penyelaras program JKMB
Dr. Alina Marie Hasbi	-	Penyelaras program JKEES
Dr. Mohd Farid Mohamed	-	Penyelaras program JSB
Dr. Wardah Fatimah Mohammad Yusoff	-	Penyelaras program JSB
Encik Zaidi Mohd Noor	-	Pencatat

PENDAHULUAN

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang hadir perbincangan ini terutama dari PPU. Perbincangan ini adalah susulan kepada Perbincangan bersama PPU bagi kursus ZZZE3012/3013 Workplace Communication I/II yang telah dijalankan pada 21 Jun 2012.

I. Perbincangan

1. Perubahan Tawaran ZZZE3012/3013 Workplace Communication I/II

- a. Berdasarkan aduan pelajar dan perbincangan yang telah dijalankan, fakulti telah bersetuju supaya tawaran kursus ZZZE3012/3013 dipinda dari Tahun 1 ke Tahun 3 dengan pelaksanaannya diintegrasikan dengan Kursus Wajib Jabatan tetapi tertakluk kepada keperluan jabatan.

- b. Ahli perbincangan bersetuju supaya:
- i. Pelajar JSB tidak terlibat di dalam perubahan ini dan tawaran kekal kepada pelajar tahun 1 (semester II)
 - ii. Perubahan tawaran bagi pelajar Kejuruteraan dicadangkan seperti berikut: (tertakluk kepada maklumbalas Jabatan)
 - JKMB/JKKP : Tahun 3 (Semester I)
 - JKEES/JKAS : Tahun 3 (Semester II)
 - iii. Silibus ZZZE3012/3022 pelajar didedahkan dengan keperluan *job application*. Bagi komponen tugas akan menggunakan projek yang sama dengan kursus yang diintegrasikan dengan kursus Jabatan di mana pensyarah ZZZE3012/3022 akan membantu dari segi penyediaan *paperwork, presentation dan report* mengikut standard Bahasa Inggeris yang baik. Semasa sesi penilaian, Pensyarah ZZZE3012/3022 akan menilai komponen komunikasi/persembahan, manakala Pensyarah FKAB lebih kepada penilaian teknikal projek terbabit.
 - iv. Surat kepada Pengarah PPU akan dikeluarkan oleh fakulti bagi memaklumkan perubahan ini.
 - v. Pemakluman kepada pelajar akan dibuat oleh fakulti setelah semua maklumat kursus yang akan diintegrasikan diterima dari jabatan.
 - vi. Jabatan diminta untuk memberi maklumbalas **sebelum 6 Disember 2012**. Pengesahan kursus wajib jabatan yang akan disetarakan perlu mendapat pengesahan Ketua Jabatan/Penyelaras Program yang terlibat.
 - vii. Jabatan diminta untuk menghantar maklumat kursus yang akan diintegrasikan kepada PPU termasuk contoh kajian kes/projek, komponen penilaian sesi pembentangan dan contoh laporan yang disediakan, sebagai persediaan pihak PPU menyediakan pelan pengajaran. Perbincangan bagi memperhalusi pelaksanaan ini akan dibuat kemudian, jika perlu.

Tindakan : Semua Ahli

III Hal-hal Lain

Tiada

Mesyuarat tamat pada jam 10.30 pagi

Disediakan oleh:

Pejabat Dekan, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

Tarikh : 31 Dis. 2012

Rujukan : UKM1.18/174/3